

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.6, NO.7, NO.12, NO. 14 HINGGA NO. 49)

10 NOV 2016

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN WILLIAM LEONG
JEE KEEN [SELAYANG]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta PERDANA MENTERI menyatakan status cadangan pembaharuan undang-undang kebankrapan untuk memberikan si bankrap peluang kedua, kedudukan penjamin sosial dan pelepasan automatik.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dalam proses membuat pindaan kepada Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] sedia ada antara lain melibatkan:

(a) Kedudukan Penjamin Sosial

Mdl sedang mempertimbangkan satu perubahan dasar dengan mewujudkan perlindungan mutlak bagi penjamin sosial daripada prosiding kebangkrapan. Ini bermaksud prosiding kebangkrapan sama sekali tidak boleh diambil terhadap penjamin sosial. Namun begitu, tindakan pelaksanaan dan penguatkuasaan lain terhadap penjamin sosial boleh diambil.

(b) PelepasanAutomatik

Seksyen 33A Akta 360 telah meletakkan sekatan bahawa hanya kes kebangkrapan yang telah ditadbir 5 tahun dan ke atas sahaja boleh dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah Insolvency untuk diberi pelepasan. Oleh yang demikian, Mdl sedang mempertimbangkan satu perubahan dasar dengan tempoh pelepasan automatik kepada 3 tahun bermula daripada tarikh bankrap memfailkan Penyata Hal

Ehwal Hutang (PHE) dan ia tertakluk kepada bantahan daripada pemiutang yang perlu difailkan di Mahkamah.

(c) Peluang Kedua Bankrap

Berdasarkan kepada pindaan terhadap tempoh pelepasan automatik yang akan dilaksanakan dan dengan penambahbaikan kepada komposisi atau skim penyusunan sedia ada di bawah Akta 360, seseorang bankrap akan mempunyai peluang kedua yang lebih baik untuk segera keluar daripada status kebankrapannya bagi membangunkan semula kehidupan atau perniagaan.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG**
[SIBUTI]
TARIKH : **10 NOVEMBER 2016 [KHAMIS]**
SOALAN : **7**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian untuk mempromosikan budaya Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) kepada masyarakat luar bandar dan sejauh manakah usaha ini telah dilaksanakan bagi negeri Sarawak dan apakah program Kementerian di kawasan Parlimen Sibuti sejak 2013 hingga sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai program dalam melahirkan masyarakat luar bandar yang kreatif dan inovatif supaya mereka dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Program-program yang dilaksanakan oleh MOSTI bertujuan untuk

memupuk kesedaran, membudaya dan memasyarakatkan sains, teknologi dan inovasi (STI) ke seluruh peringkat masyarakat.

MOSTI sentiasa komited dalam melaksanakan program-program bagi membudayakan inovasi dan kreativiti kepada seluruh rakyat Malaysia. Antara program pembudayaan sains, teknologi dan inovasi yang telah dan akan dilaksanakan oleh MOSTI adalah:

- (i) **Program *Creativity and Science4u*** yang dilaksanakan secara turun padang, sejak tahun 2012 untuk menarik minat masyarakat terhadap peranan dan sumbangan STI ke arah penghasilan kekayaan, penjanaaan ilmu dan kesejahteraan rakyat. Pengisian program, termasuklah pameran berasaskan STI, pertandingan inovasi, kuiz sains, bengkel, ceramah, forum dan aktiviti interaktif dalam bidang sains dan teknologi. Pada tahun 2016, program ini telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 4-6 Mac 2016.
- (ii) **Program *Innospace*** telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Program ini diadakan bagi menyediakan platform kepada para pereka cipta terutamanya akar umbi untuk membangunkan idea mereka serta mendapat bantuan dari segi nasihat dan pakar rujuk dalam membangun dan mengkomersialkan produk-produk inovasi. Program ini telah diadakan dengan kerjasama SIRIM Berhad seperti berikut :
 - (a) Bengkel Lukisan Porselin di Kuching, Sarawak (2015)
 - (b) Bengkel Teknologi Manik Seramik di Kuching, Sarawak (2015)
 - (c) Bengkel Teknologi Manik Seramik di Kuching, Sarawak (2015)

- (d) Bengkel Teknologi Kraf Hydrostone di Kuching, Sarawak (2016)
- (e) Bengkel Kreativiti Hiasan Manik Moden di Miri, Sarawak (2016)
- (iii) **MOSTI Social Innovation (MSI)** yang berteraskan program jangkau luar (*outreach*) ke peringkat akar umbi meliputi pembangunan atau pelaksanaan idea sama ada yang berbentuk produk, perkhidmatan atau model bagi memenuhi keperluan sosial. MSI merupakan salah satu cabang inovasi yang boleh membawa kesan secara langsung dan boleh dirasai oleh rakyat, bukan sahaja akan memberi manfaat kepada masyarakat tetapi juga meningkatkan keupayaan individu untuk bertindak melalui jaringan kerjasama pelbagai pihak. Sebanyak lima projek MSI telah diluluskan di Sarawak masing-masing pada tahun 2015 dan 2016.
- (iv) **Program PSN Scifest, Singgah Sains dan Kelana Sains** adalah antara program kesedaran sains yang dilaksanakan oleh Pusat Sains Negara (PSN) untuk menarik minat masyarakat terutama masyarakat luar bandar terhadap bidang sains dan teknologi. Program-program tersebut mengetengahkan pelbagai aktiviti pendidikan *hands-on*, pameran, bengkel, ceramah dan pertandingan yang menghubungkan kreativiti, sains dan inovasi.

Program kesedaran dan penggalakan STI anjuran Pusat Sains Negara (PSN) mensasarkan golongan pelajar luar bandar termasuk guru, ibu-bapa dan masyarakat setempat. Dalam usaha menanamkan budaya inovasi dan kreativiti di kalangan masyarakat Sarawak, beberapa program telah dijalankan oleh PSN antaranya

ialah Program Sains di Desa, Pameran Islam dan Sains, Regatta Sarawak, Pembangunan Profesional dan yang terkini adalah program Inovasi Pendidikan yang telah diadakan pada 22 hingga 24 April 2016. Program ini telah menghasilkan beberapa inovasi pembelajaran dan pengajaran (PdP) STEM yang lebih efektif dan menyeronokkan untuk menggalakkan dan menanam minat pelajar-pelajar luar bandar. Guru-guru telah dilatih mengenai teknik pengajaran STEM dan demonstrasi sains kreatif menggunakan bahan pembelajaran alternatif luar bilik darjah untuk memupuk minat para pelajar terhadap STEM.

Antara program PSN yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Inovasi Pendidikan di Kuching dan Lundu, Sarawak pada 22-24 April 2016
- (b) Karnival Kreativiti dan Science4U di Kuching, Sarawak pada 4-6 Mac 2016
- (c) Program Professional Development di Kuching, Sarawak pada 29-31 Julai 2015
- (d) Program Guru bersama JPN Sarawak di Kuching, Sarawak pada April 2014
- (e) Program Professional Development di Kapit, Sarawak pada April 2013

Pada masa kini, PSN sedang merangka program-program bagi mempromosikan STI dengan lebih agresif dan adalah menjadi

harapan PSN agar program seumpama ini dapat menjangkau semua lapisan masyarakat seluruh Malaysia termasuk di Parlimen Sibuti.

- (v) MOSTI turut melaksanakan program kesedaran inovasi di kalangan masyarakat peringkat akar umbi melalui **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)**. Sepanjang tahun 2011 sehingga 2015, YIM telah pun menjejaki lebih dari 871,216 orang dari masyarakat akar umbi seluruh Malaysia. Pada tahun 2015 sahaja, pihak YIM telah mengadakan tiga siri ceramah "*Popinnovation*" dan tiga siri Pameran Pembudayaan Inovasi kepada lebih kurang 500 orang penduduk Sarawak di dalam membentuk minda inovatif dan kreatif.

Usaha-usaha sebegini akan diteruskan dan dipertingkatkan bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap pentingnya sains dan kreativiti serta membudayakan STI dalam kehidupan seharian. Program-program ini mampu memberikan implikasi positif kepada masyarakat luar bandar, khususnya di Sabah dan Sarawak yang secara tidak langsung, membantu melahirkan masyarakat luar bandar yang lebih kreatif dan inovatif serta dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.